



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL 4/98
SKIM LATIHAN PEKERJA YANG DIHENTIKAN KERJA

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan bahawa Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melaksanakan Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja berkuatkuasa mulai 2 Mei 1998. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan bahawa Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melaksanakan Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja berkuatkuasa mulai 2 Mei 1998.
- 1.2 Objektif skim latihan ini adalah untuk membantu mereka yang terlibat dengan pemberhentian kerja kerana pengurangan pekerja mendapat latihan yang sesuai yang boleh memperluaskan peluang mereka mendapat pekerjaan baru. Di bawah skim ini, pekerja-pekerja yang terlibat dengan pemberhentian kerja berkeelayakan mendapat bantuan kewangan untuk membiayai satu ratus peratus (100%) yuran latihan. Di samping itu, objektif skim latihan ini adalah untuk membantu majikan mendapat pekerja dengan kemahiran yang lebih tinggi di pasaran buruh terutamanya apabila ekonomi negara pulih nanti.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Seksyen 9(2)(c), Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 memperuntukkan bahawa perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia boleh dilakukan bagi menjalankan aktiviti untuk melatih atau melatih semula orang-orang yang telah atau akan diberhentikan kerja akibat daripada langkah pengurangan pekerja. Lanjutan daripada kegawatan ekonomi yang dialami pada masa ini terdapat pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja kerana majikan mereka terpaksa mengambil langkah pengurangan pekerja demi mengurangkan kos operasi. Adalah tepat pada masanya, peruntukan Akta ini digunakan demi membantu pekerja terlibat meningkat kemahiran dan pengetahuan supaya mereka mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapat pekerjaan baru bersesuaian dengan kemahiran yang dimiliki olehnya. Selaras dengan peruntukan Akta ini, terma-terma dan syarat-syarat skim latihan ini telah diluluskan oleh YB. Menteri Sumber Manusia.

3. KUMPULAN SASARAN DAN PENDEKATAN SKIM

3.1 Kumpulan sasar bagi skim latihan ini adalah seperti berikut:-

(a) Pekerja-pekerja yang telah / akan diberhentikan kerja oleh majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia; dan

(b) Pekerja yang telah / akan diberhentikan kerja oleh majikan dalam industri yang diliputi oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992, walaupun majikan berkenaan masih belum berdaftar.

3.2 Dua pendekatan diambil untuk menjayakan pelaksanaan skim latihan ini iaitu:-

(a) Pekerja yang telah/akan diberhentikan bebas memilih kursus yang sesuai sama ada di peringkat sijil atau diploma (diluluskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia) bagi meningkatkan kemahiran mereka untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan baru; dan

(b) Majikan-majikan yang bercadang untuk melantik pekerja-pekerja yang telah/akan diberhentikan kerja oleh majikan lain. Sebelum dilantik oleh majikan baru, pekerja-pekerja berkenaan perlu diberi latihan semula bersesuaian dengan keperluan majikan baru. Yuran latihan akan ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia dengan syarat permohonan hendaklah diluluskan oleh Majlis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun sekiranya latihan yang diberikan tidak melibatkan pembayaran yuran kepada mana-mana pihak kerana dikelolakan oleh majikan sendiri, pekerja berkenaan atau majikan tidak berkelayakan menuntut apa-apa bayaran.

4. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SKIM

4.1 Terma-terma dan syarat-syarat Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja ini adalah seperti berikut:-

(a) Yuran latihan di bayar satu ratus peratus (100%) oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia;

(b) Kos sara hidup semasa mengikuti latihan ditanggung sendiri oleh pekerja yang diberhentikan kerja;

(c) Kursus yang dihadiri adalah hanya kursus-kursus yang disenaraikan oleh Majlis dan senarai kursus ini akan ditambah oleh Majlis dari masa ke semasa. Bagi kursus di peringkat sijil, tempoh latihan adalah tidak kurang daripada 100 jam. Manakala bagi kursus di peringkat diploma, tempoh latihan adalah tidak kurang daripada 250 jam. Bagi program latihan/kursus yang tidak disenaraikan, ianya boleh juga dipertimbangkan. Bagi pekerja yang ingin mengikuti latihan/kursus yang ditawarkan oleh institusi latihan kerajaan juga layak menikmati faedah skim latihan ini tanpa pertimbangan lanjut;

(d) Peserta kursus mestilah menyempurnakan semua syarat-syarat penganugerahan sijil/diploma seperti projek, tugas dan peperiksaan;

(e) Kursus akan dijalankan secara sepenuh masa. Walau bagaimanapun bagi mereka yang mendapat pekerjaan baru sebelum sempat tamatnya kursus, mereka bolehlah meneruskan sehingga tamat secara separuh masa. Penyedia latihan akan menyelaraskan jadual latihan mengikut kesesuaian masa pekerja terlibat; dan

(f) Pekerja-pekerja yang mengikuti latihan di bawah skim ini hendaklah mengikutinya sehingga tamat. Bagi latihan yang kurang dari 75% kehadiran bagi sesuatu modul atau pekerja berhenti sebelum latihan tamat tanpa apa-apa sebab yang munasabah, yuran latihan tidak akan dibayar oleh Majlis dan pekerja sendiri dikehendaki membayar yuran kepada penyedia latihan terlibat.

5. PERMOHONAN DARIPADA PEKERJA-PEKERJA TERLIBAT PERMOHONAN DARIPADA PEKERJA-PEKERJA TERLIBAT

5.1 Permohonan untuk mendapat geran latihan yang ditawarkan di bawah Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja ini adalah dengan menggunakan prosedur berikut:-

- (a) Permohonan melalui borang MPSM / HR / 1 / 98;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya satu bulan sebelum latihan bermula;
- (c) Salinan tawaran yang disahkan untuk mengikuti latihan daripada institusi latihan hendaklah disertakan bersama borang permohonan;
- (d) Salinan notis pemberhentian kerja yang asal atau salinan yang disahkan oleh majikan pekerja, penghulu, pegawai buruh atau mana-mana pegawai kerajaan kumpulan A hendaklah disertakan bersama borang permohonan sebagai menyokong permohonan;
- (e) Majikan hendaklah membuat pengesahan bahawa pemohon adalah pekerja mereka yang akan atau telah diberhentikan kerja;
- (f) Bagi majikan yang telah memberhentikan operasi, pengesahan Pegawai Buruh dari pejabat buruh yang terdekat diperlukan bahawa pemohon adalah pekerja yang terlibat dengan pemberhentian kerja;
- (g) Borang permohonan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:-

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia.
Tingkat 7, Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel : 03-258 4800
Faks : 03-253 5722

6. PERANAN MAJIKAN

6.1 Majlis Pembangunan Sumber Manusia sangat berterima kasih agar pihak tuan dapat memainkan peranan dalam memaklum dan menasihatkan pekerja-pekerja syarikat tuan/puan yang terlibat dengan pemberhentian kerja (retrenchment) supaya mereka mengikuti latihan dan memohon bantuan kewangan yang disediakan di bawah skim ini

demi untuk meningkatkan kemahiran dan peluang mereka mendapatkan pekerjaan baru.

6.1 Suka saya menarik perhatian tuan bahawa kemudahan yang diberikan di bawah Skim latihan Pekerja Yang Diberhentikan Kerja ini adalah sebagai suatu kemudahan yang disediakan di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 dan merupakan faedah yang berasingan. Dengan demikian, pihak tuan tidak boleh menggunakan faedah yang terdapat di bawah Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan Kerja ini sebagai faedah pemberhentian kerja (retrenchment benefit).

Kerjasama tuan/puan adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

